

06/07/1997

Penduduk Lebanon sayang pemimpin

Farush Khan

MELIHAT pada zaman pahit yang menimpa Lebanon kerana peperangan saudara selama 17 tahun, saya kira rakyat negara itu tentulah berhati keras, kasar dan tidak mengenal erti senyuman.

Kalaupun mereka bersikap demikian, saya rasa mereka harus dimaafkan kerana peperangan yang berlanjutan itu memusnahkan hampir segala yang mereka miliki - tempat berteduh, harta benda dan paling menyayat hati ialah kehilangan kaum keluarga dan sanak saudara tercinta.

Sebaik menjejakkan kaki ke bumi Lebanon baru-baru ini, anggapan saya ternyata meleset. Berdasarkan pemerhatian, tegur sapa dan perbualan dengan mereka selama tiga hari di negara itu, kesimpulan yang boleh dibuat ialah mereka cepat mesra dan tidak besar kepala.

Ini dapat dilihat dari awal ketibaan saya di lapangan terbang Beirut selepas penerbangan hampir 10 jam dari Kuala Lumpur. Selepas mendarat, saya terus ke tempat pemeriksaan pasport tidak jauh dari pintu masuk.

Waktu itu 7.30 malam (12.30 pagi waktu Malaysia) dan penumpang tidak ramai. Paling ramai 25 orang. Kebanyakan mereka pula rakyat Lebanon. Jadi tidaklah perlu saya beratur di kaunter pemeriksaan khas untuk orang asing.

Pegawai imigresen muda berbadan sederhana dan berbaju kuning langsung memandang saya selepas memeriksa pasport saya.

"Ada visa?" tanyanya dalam bahasa Inggeris sambil melemparkan senyuman dan tanpa banyak bicara, beliau meminta saya mengambil visa di kaunter yang terletak tidak sampai 10 meter di belakangnya.

Pegawai muda di kaunter pengeluaran visa pula ingin tahu tujuan saya ke Lebanon dan untuk mengelak banyak soal jawab, seperti yang biasa saya alami di beberapa negara, saya terus menunjukkan jadual lawatan rombongan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil membelek-belek pasport saya yang sudah hampir penuh dengan cop imigresen, untuk mencari ruang memasukkan visa, dia memberitahu bahawa bayaran untuk visa ke Lebanon ialah AS\$17 (RM41). Saya beritahu bahawa saya tidak mempunyai mata wang Amerika Syarikat, kecuali cek pengembara.

"Jadi apa saya nak buat?" tanya saya kepada kedua-dua pegawai imigresen di kaunter visa tadi.

"Tidak mengapa. Saudara boleh pergi dulu ... bayar bila saudara hendak keluar (dari Beirut) nanti," katanya.

Saya hampir tidak percaya apa yang saya dengar. Wang AS\$17 tidak seberapa, tetapi berdasarkan pengalaman, perkara yang serupa boleh menjadi "isu besar" dan mungkin menyebabkan saya terkandas berjam-jam sebelum boleh meneruskan perjalanan. Malah, di sesetengah tempat, kita mungkin diminta menghubungi kenalan untuk membuat bayaran itu.

Saya terharu dengan sikap bertimbang rasa pegawai berkenaan. Selepas mengucapkan terima kasih dan bersalaman, saya keluar mendapatkan teksi untuk ke hotel yang ditempah oleh pegawai Wisma Putra.

Muhammad, pemandu teksi Mercedes Benz buruk yang saya naiki, macam murai. Sepanjang perjalanan selama kira-kira 30 minit itu, dia tidak putus-putus bercakap.

"Nasib baik" dia tidak fasih berbahasa Inggeris. Kalau tidak, Tuhan saja yang tahu. Muhammad menceritakan keadaan di Beirut, kadar sewa hotel dan sebagainya, yang sesetengahnya saya tidak tahu hujung pangkal.

"See there ... Shatila (lihat di sana ... Shatila)," katanya sambil menuding jari ke arah sisa bangunan kecil tidak berbumbung dan berdinding di tengah bandar Beirut, tidak jauh dari hotel yang akan saya diami.

Shatila adalah khemah pelarian di mana rejim Israel melakukan penyembelihan beramai-ramai ke atas pelarian Palestin pada 17 September, 1982 - satu peristiwa berdarah yang menarik perhatian dunia dan terus disebut hingga ke hari ini sebagai satu daripada tindakan paling kejam Israel. Peristiwa menyayat hati di Shatila itu, dirakamkan dalam lagu Zubir Ali.

Hampir tiba di hotel, Muhammad yang berusia dalam lingkungan 55 tahun, ingin tahu berapa saya akan bayar kepadanya.

Bagaimanapun, saya menyuruhnya membawa saya ke hotel dulu untuk menukar cek pengembara. Sepanjang perjalanan itu, saya dapat menyaksikan keadaan kedai dan persekitaran di Beirut jauh berbeza dengan yang saya lihat sewaktu bertugas di Istanbul beberapa hari sebelum itu.

Dinding kedai dan bangunan berlubang-lubang (barangkali bekas peluru) dan jalan berlopak. Muhammad memberitahu dia bawa teksi sejak usianya 20-an. Kini dia ada lima anak.

Di hotel, Muhammad ikut ke kaunter penyambut tetamu. Saya mendaftar nama dan menukar cek pengembara bernilai AS\$100 dengan mata wang Lira. AS\$1 bersamaan Lira 1,500. Saya menghulurkan Lira 48,000 (RM80) kepada Muhammad yang tangkas menyambutnya dan beredar, diekori jelingan tajam lelaki tua yang bertugas di kaunter itu.

Keesokannya, saya diberitahu oleh seorang rakan bahawa dia cuma membayar AS\$5 (RM12.50) untuk perkhidmatan teksi dari lapangan terbang ke hotel.

Saya tidak ambil pusing. Saya anggap bayaran itu tidak seberapa berbanding penyeksaan yang barangkali dialami Muhammad bersama rakyat Lebanon kerana peperangan selama 17 tahun itu.

Pada hari ketiga dan terakhir, kumpulan wartawan dan jurugambar Malaysia mengikuti rombongan Perdana Menteri ke tempat bersejarah iaitu bekas kubu pertahanan di Byblos dan gua di Jeita.

Ketika sedang mencari-cari bas, sekumpulan penduduk di situ menahan sebuah ambulans askar yang mengikuti rombongan kami.

Omar Baghdadi, pemandu ambulans berpakaian celoreng itu dengan senang hati membuka pintu di sebelahnya dan menjemput saya masuk.

Dengan memasang siren, ambulans itu memecut di tengah bandar sesak lagi berdebu. Omar memintas antara kenderaan yang banyak itu di sepanjang jalan menuju Jeita. Tidak hairanlah kami tiba di Jeita kira-kira lima minit mendahului bas yang keluar lebih awal.

Walaupun miskin harta benda, Omar kaya dengan kemesraan dan ramah. Beliau cuba memberi penerangan sekadar yang mampu mengenai beberapa kawasan yang kami lalui.

Di suatu kawasan, beliau menunjukkan sebuah pesawat lama yang, menurutnya, kini digunakan sebagai restoran. Tentu ada sejarah menarik di sebalik cerita itu yang Omar tidak tahu sampaikan.

Saya bercerita serba sedikit mengenai Malaysia yang aman damai walaupun mempunyai rakyat berbilang kaum dan mengenai pertemuan delegasi Dr Mahathir dengan Perdana Menteri Lebanon, Rafic Hariri. Mendengar nama Hariri, muka Omar berseri-seri.

"Hariri? Hariri good ... good ... good," katanya sambil menunjukkan ibu jari tanda baik.

Daripada pengamatan saya, Hariri memang baik. Wajahnya banyak dilukiskan di kawasan strategik di beberapa kawasan di bandar Beirut.

(END)